



**Cik Winnie Chan Shiau Fang**  
**(Pengurus SIDREC)**

Winnie Chan Shiau Fang aktif dalam bidang perundangan selama 20 tahun sebelum menyertai SIDREC. Beliau berkelulusan ijazah undang-undang dari University of London dan memperolehi Sijil Amalan Guaman pada tahun 2002. Beliau diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Fokus utama Winnie ialah pematuhan peraturan, kontrak korporat dan komersial, urus niaga hartanah, perbankan dan kewangan, pertikaian pasaran modal di antara pihak individu dan pihak bank serta kes-kes jenayah komersil. Pengalaman Winnie dalam bidang litigasi umum telah menyumbang kepada kebolehan untuk memberi nasihat dalam bidang undang-undang jenayah korporat dan komersial. Winnie juga pernah terlibat dalam program keusahawanan, terutamanya dalam industri perdagangan elektronik (e-commerce), teknologi maklumat, minyak dan gas.

Winnie merupakan seseorang yang bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu dan mempunyai minat yang mendalam pada isu-isu kepentingan awam. Komitmennya kepada anggota masyarakat, profesion perundangan, serta Badan Peguam Malaysia dan Pesatuan Peguambela Sarawak dicerminkan melalui sumbangan aktif beliau dalam hal-hal berkaitan profesion ini. Beliau pernah menjadi Timbalan Setiausaha dan Bendahari kepada Pesatuan Peguambela Sarawak. Beliau merupakan seorang Mediator dengan Malaysian Mediation Centre ("MMC") dan ahli kepada Asian Institute of Chartered Bankers ("AICB"). Beliau juga merupakan seorang perunding hartanah yang bertauliah ("REN").